

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 untuk Kanak-kanak

517,107 kanak-kanak sudah daftar

KKM harap hampir separuh akan dapat dos menjelang akhir bulan ini

Kuala Lumpur: Seramai 517,107 kanak-kanak berusia lima tahun hingga 11 tahun di negara ini sudah didaftarkan oleh ibu bapa mereka untuk menerima vaksin Pfizer COVID-19, setakat kelmarin.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, menerusi akaun Twitter berkata, angka itu merangkumi kira-kira 15 peratus daripada jumlah keseluruhan kohort 3.6 juta kanak-kanak.

"Permulaan yang baik dan @KKMPutrajaya (Kementerian Kesihatan) akan terus menyampaikan maklumat mengenai faedah mendapatkan suntikan vaksinasi," katanya, di sini, semalam.

Khairy berkata, beliau berharap hampir separuh daripada kanak-kanak di Malaysia akan mendapatkan suntikan vaksin menjelang akhir bulan ini.

Beliau berkata, untuk tujuan itu, Pasukan Petugas Khas Imu-

nisasi COVID-19 untuk Kanak-kanak di bawah pengawasan timbalannya, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, akan bekerja keras bersama-sama Kementerian Pendidikan.

Katanya, pautan bagi tempahan Program Imunisasi COVID-19 untuk Kanak-kanak (PI-CKids) dimuat naik berdasarkan tarikh pendaftaran dan ibu bapa yang tidak menerima pautan akan mendapatkannya tidak lama lagi.

Khairy turut memuat naik info grafik mengenai pendaftaran PI-CKids, yang menunjukkan Selangor mencatat jumlah pendaftaran tertinggi dengan 131,500 kanak-kanak mendaftar, manakala

Permulaan yang baik dan @KKMPutrajaya (Kementerian Kesihatan) akan terus menyampaikan maklumat mengenai faedah mendapatkan suntikan vaksinasi

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



Labuan mencatatkan pendaftaran terendah dengan 900 kanak-kanak.

Kerajaan sebelum ini mengemukakan, pemberian dos kepada kanak-kanak lima tahun hingga 11 tahun akan bermula

esok, di hospital dan pusat vaksin bersepadu, di Lembah Klang.

Sejumlah empat juta kanak-kanak berusia bawah 12 tahun di Malaysia layak menerima vaksin itu. **BERNAMA**

Penularan COVID-19

KKM disaran aktifkan lebih banyak penjujukan genom

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) disaran mengaktifkan lebih banyak penjujukan genom bagi mengenal pasti kemungkinan wujudnya varian baharu yang menyumbang terhadap penularan dan peningkatan kes.

Pakar virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata langkah sebahagian besar komuniti memilih membuat ujian saringan sendiri menyebabkan sampel bagi penjujukan genom semakin berkurangan.

"Di makmal saya sendiri, penerimaan terhadap sampel untuk melakukan penjujukan genom semakin perlahan kerana ramai yang membuat ujian sendiri."

"Justeru, KKM perlu meningkatkan semula ujian melalui *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* untuk membolehkan lebih banyak penjujukan genom dilakukan."

"Jika varian yang ada ini Omicron, saya rasa tidak perlu risau kerana majoritinya iaitu lebih 90 peratus adalah kategori 1 dan 2, namun kita kena pastikan tiada varian baharu melalui penjujukan genom," katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kes COVID-19 yang menunjukkan pola peningkatan kepada 5,566 kes semalam.

Pada akhir Disember lalu, jumlah kes harian COVID-19 di-

laporkan kembali merekodkan penurunan apabila berada bawah angka 3,000 sebelum meningkat semula pada 21 Januari melepasi angka 4,000.

Bagaimanapun, angka harian kes COVID-19 di negara ini kembali melepasi 5,000 pada 27 Januari lalu dengan 5,439 kes baharu dilaporkan.

Kali terakhir negara merekodkan kes melebihi 5,000 adalah pada 1 Disember 2021 dengan 5,439 kes.

KKM memulakan penjujukan genom bagi varian COVID-19 secara konsortium dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), universiti dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sejak Julai lalu.

Dr Sazaly berkata, pihaknya tidak melihat pola peningkatan kes COVID-19 menunjukkan keseimbangan selagi peratusan pesakit kategori tiga, empat dan

lima kekal rendah.

Malah, beliau melihat peningkatan kes COVID-19 kali ini tidak memerlukan tindakan lebih ketat daripada kerajaan seperti sebelum ini, termasuk sekatan.

"Kadar vaksinasi tinggi negara kini banyak membantu dalam membendung jangkitan serius termasuk Omicron."

"Pemberian vaksin amat membantu yang mana banyak jangkitan dikesan adalah gejala ringan. Walaupun kes lebih 5,000, golongan memerlukan rawatan bagi kategori serius tiada peningkatan."

"Indikatornya adalah pesakit yang menerima rawatan, selagi ia masih rendah, maka tidak perlu risau kecuali jika ada varian baharu."

"Jangkitan akibat varian Omicron ini mungkin membimbangkan bagi negara yang kadar vaksinasinya rendah," katanya.

Di makmal saya sendiri, penerimaan terhadap sampel untuk melakukan penjujukan genom semakin perlahan kerana ramai yang membuat ujian sendiri

Dr Sazaly Abu Bakar,
Pakar virologi UM



Seorang remaja menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya pada Isnin lalu.

(Foto Dariani Saad/BH)

5,736 Kes baharu, kadar jangkitan meningkat

Kuala Lumpur: Penularan COVID-19 terus menunjukkan trend peningkatan apabila Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan 5,736 kes COVID-19 di seluruh negara, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perkembangan itu menjadikan 2,882,324 individu sudah dijangkiti virus berkenaan, setakat ini.

Sementara itu, sejumlah 12,022,117 individu dewasa atau 51.4 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima suntikan dos penggalak COVID-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data di laman web COVIDNOW, sejumlah 22,925,383 individu atau 97.9 peratus daripada populasi dewasa di negara ini sudah melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 99.1 peratus atau 23,202,227 individu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,788,724 individu atau 88.6 peratus daripada kumpulan itu melengkapkan vaksinasi manakala 2,867,902 individu atau 91.1 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Kelmarin, sejumlah 20,683 dos vaksin diberi membabitkan 210 dos pertama, 288 sebagai dos kedua dan 28,185 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 63,601,771 dos.

Sementara itu, menurut portal Github Kementerian Kesihatan, tujuh kematian akibat COVID-19 dilaporkan kelmarin, dengan masing-masing dua di Johor dan Selangor, manakala satu kematian direkodkan masing-masing di Pahang, Perak dan Terengganu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Vaksin bukan tiket rasa selamat

Peningkatan kes, kluster pasca sambutan Tahun Baharu Cina tidak mustahil boleh berlaku

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kebarangkalian berlaku peningkatan kes dan wujudnya kluster baharu pasca sambutan perayaan Tahun Baharu Cina tidak mustahil seandainya masyarakat gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Demikian pandangan Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM) dan pakar perunding Epidemiologi Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Mohamed Rusli Abdullah.

Menurut Dr Rusli, jangkaan itu berdasarkan data terdahulu yang menunjukkan peningkatan kes pasca sesuatu perayaan walaupun dalam pelaksanaan SOP yang ketat.

"Ketika ini, ki-

ta sudah memasuki fasa keempat dan SOP ditetapkan agak ringan berbanding dahulu.

"Dalam erti kata lain, pergerakan kini agak bebas dan walaupun kepentingan menjaga SOP diberi penekanan seperti kewajipan memakai pelitup muka, amalan penjarakan sosial selain sa-
ranan melakukan ujian ken-

diri sebelum pulang ke kampung namun masih ramai rakyat tidak akur.

"Mereka menganggap pematuhan kepada SOP sebagai perkara remeh dan ada kluster sebelum ini juga wujud disebabkan sikap individu tidak bertanggungjawab yang masih pulang ke kampung walaupun ada gejala," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Tambah Dr Rusli, lebih membimbangkan jika sikap mengambil lewa sege-
linter ma-

sarakat terhadap Covid-19 dan kepentingan mematuhi SOP akan menyebabkan penyebaran jangkitan kepada golongan berisiko tinggi.

"Bukan yang beraya saja namun mereka yang mengambil kesempatan pulang ke kampung sempena cuti Tahun Baharu Cina juga perlu mengambil berat soal SOP.

"Harus diingat, vaksin dan dos penggalak bukan tiket untuk berasa selamat kerana hanya melindungi diri daripada mendapat gejala se-

rius, bukan seratus peratus menghalang jangkitan.

"Apa dikhawatirkan adalah jika virus menjangkiti golongan berisiko tinggi misalnya ibu bapa sudah berusia ditemui ketika pulang beraya kerana kealpaan kita lebih-lebih lagi dengan kehadiran varian Covid-19 seperti Omicron yang mempunyai keupayaan kebolehhajjangan yang tinggi," katanya.

Justeru, Dr Rusli mengingatkan orang ramai supaya terus mematuhi SOP dan pastikan semua ahli keluarga sudah menerima vaksin Covid-19 sebelum berkumpul.



ORANG ramai diingatkan supaya terus mematuhi SOP dan memastikan semua ahli keluarga sudah menerima vaksin Covid-19 sebelum berkumpul.

517,107 kanak-kanak sedia terima vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 517,107 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun sudah mendaftar untuk menyertai Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (Pick Kids) yang akan dilaksanakan mulai hari ini.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, data terkini setakat Selasa lalu itu satu permulaan yang baik untuk memastikan kanak-kanak di negara ini turut dilindungi daripada jangkitan Covid-19.

Katanya, Jawatankuasa Bertindak Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (CITF-C) serta Kementerian Pendidikan akan berusaha keras untuk memastikan sasaran 4.1 juta kanak-kanak menerima vaksinasi Covid-19 dapat dicapai.

"Saya berharap hampir separuh daripada ka-

nak-kanak di Malaysia akan divaksin pada penghujung Februari ini.

"Kementerian Kesihatan (KKM) juga akan terus menyampaikan manfaat mengambil vaksin," katanya menerusi Twitter, semalam.

Pick Kids akan dilaksanakan secara berperingkat bermula di Lembah Klang mulai hari ini.

Khairy berkata, pautan tempahan vaksinasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun

itu sedang diberikan secara berperingkat bagi mereka yang mendaftarkan anak masing-masing melalui aplikasi MySejahtera.

"Tarikh temu janji diberikan berdasarkan tarikh pendaftaran.

"Ibu bapa yang belum menerima pautan, jangan risau.

"Anda akan menerimanya (tarikh) tidak lama lagi," katanya.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKAV) menerusi perkongsian infografik di Twitter berkata, orang ramai perlu mengemaskini aplikasi MySejahtera masing-masing kepada versi yang terkini serta patuhi

langkah membuat janji temu vaksinasi kanak-kanak.

"Selepas mendaftarkan anak anda, sila tunggu untuk menerima pautan tempahan janji temu.

"Link (pautan) pendaftaran akan diberikan berperingkat. Ibu bapa boleh memilih PPV (Pusat Pemberian Vaksin), masa dan tarikh yang bersesuaian melalui link ini," katanya.

Sistem tempahan melalui aplikasi MySejahtera untuk Pick Kids mula dibuka sejak penghujung Januari lalu.

KKM menyasarkan 70 peratus kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun dalam sistem pendidikan diberikan dos pertama vaksin Pfizer dalam tempoh dua bulan selepas Pick Kids dijalankan serta 80 peratus menerima dos lengkap bagi tempoh enam bulan pelaksanaan.

12,022,117 selesai ambil dos penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 12,022,117 individu dewasa atau 51.4 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima suntikan dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data di laman web COVIDNOW, sejumlah 22,925,383 individu atau 97.9 peratus daripada populasi dewasa di negara ini sudah melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 99.1 peratus atau 23,202,227 individu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berumur antara 12 dan 17 tahun, sejumlah 2,788,724 individu atau 88.6 peratus daripada kumpulan itu melengkapkan vaksinasi, ma-

nakala 2,867,902 individu atau 91.1 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Kelmarin 28,683 dos vaksin diberikan, membabitkan 210 dos pertama, 288 sebagai dos kedua dan 28,185 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 63,601,771 dos.

Sementara itu, menurut portal Github Kementerian Kesihatan, tujuh kematian akibat Covid-19 dilaporkan kelmarin, dengan masing-masing dua di Johor dan Selangor, manakala satu kematian direkodkan masing-masing di Pahang, Perak dan Terengganu.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

KKM sasar separuh daripada 3.6 juta disuntik vaksin menjelang akhir bulan ini **517,107 kanak-kanak daftar Pfizer**

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Seramai 517,107 kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun sudah berdaftar untuk suntikan vaksin Covid-19 Pfizer oleh ibu bapa masing-masing bagi Program Imunisasi Covid-19 Kanak-kanak (PICKids).

Data sehingga kelmarin itu dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi ciapan ringkas di laman Twitter beliau.

"Ia adalah 15 peratus daripada jumlah kohort 3.6 juta (kanak-kanak negara ini), permulaan yang baik dan Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus menyampaikan manfaat untuk mendapatkan vaksin."

"Saya berharap hampir separuh kanak-kanak di Malaysia akan mendapat vaksin menjelang akhir Februari."

"Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) di bawah Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali akan bekerja keras bersama Kementerian Pendidikan," menurut ciapan tersebut di sini semalam.

Pemberian vaksin untuk



PEMBERIAN vaksin untuk kanak-kanak berusia antara lima hingga bawah 12 tahun menerusi PICKids akan bermula hari ini. – GAMBAR HIASAN

kanak-kanak berusia lima hingga bawah 12 tahun, menerusi PICKids akan bermula hari ini dengan anggaran seramai empat juta kanak-kanak layak menerima vaksin jenis Comirnaty10mcg

Concentrate for Dispersion (PfizerBioNTech).

Menerusi sidang akhbar Dr. Noor Azmi pada 27 Januari lalu, beliau dilaporkan berkata, sebagai permulaan pemberian vaksin

tersebut akan dilaksanakan di Lembah Klang.

Sebanyak tiga pusat pemberian vaksin (PPV) dibuka di Lembah Klang mulai hari ini iaitu World Trade Centre (WTC)

di Kuala Lumpur, Axiata Arena, Bukit Jalil dan Ideal Convention Centre, Shah Alam, manakala 25 lagi PPV mula beroperasi pada 5 Februari ini.

Berdasarkan data yang dikongsi, Selangor mencatatkan pendaftaran paling tinggi iaitu lebih 131,000 orang, diikuti Johor (81,400) dan Kuala Lumpur (47,500).

Tiga negeri yang mencatatkan pendaftaran vaksin kanak-kanak terendah setakat ini ialah Labuan kira-kira 900 orang, Perlis (1,900), dan Putrajaya (3,400).

Program vaksinasi kanak-kanak ini memerlukan dua suntikan dos vaksin dengan sela masa lapan minggu selepas dos pertama.

Berdasarkan data terkini yang diperolehi, sela masa lapan minggu di antara dua dos yang diberikan akan memberi kesan tindak balas imuniti dan kadar keberkesanan yang lebih tinggi serta berpotensi untuk memberikan perlindungan yang lebih lama.

Bagaimanapun, setakat ini pengambilan vaksin dalam kalangan kanak-kanak tidak diwajibkan.



PROGRAM pemberian vaksinasi dos penggalak yang giat dilaksanakan ketika ini dapat meningkatkan tahap imunisasi seseorang.

Lima kali kes harian jangkitan Covid-19 lempi angka 5,000

PUTRAJAYA – Jangkitan baharu Covid-19 semalam terus meningkat dengan 5,736 kes dilaporkan berbanding 5,666 kes yang dicatatkan kelmarin.

Ia adalah kali kedua kes harian melepasi angka 5,000 untuk bulan ini, manakala kali kelima untuk tahun ini selepas mencatatkan sebanyak 5,439 kes pada 27 Januari lalu, 5,525 kes (28 Januari) dan 5,139 kes (29 Januari).

Sementara itu, mengenai kes kematian akibat Covid-19, tujuh kematian telah dilaporkan, menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 31,985 kes.

Bagaimanapun, tiada kematian dalam tempoh 24 jam dilaporkan kelmarin.

"Terdapat satu kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-death (BID), dengan jumlah kes BID sebanyak 6,447

kes," demikian maklumat berdasarkan laman web CovidNow semalam.

Sementara itu, dalam tempoh tujuh hari sahaja, kemasukan kes ke hospital negara ini mencatatkan peningkatan 13 peratus dengan kadar penggunaan katil sebanyak 60 peratus.

Menurut data dalam laman web CovidNow, Pulau Pinang mencatatkan peningkatan tertinggi kadar penggunaan katil sebanyak 70 peratus, diikuti Melaka (60 peratus), Kuala Lumpur (51 peratus), Kedah (39 peratus) dan Sarawak (30 peratus).

Perak pula mencatatkan sebanyak 19 peratus, Negeri Sembilan (17 peratus), Putrajaya (17 peratus), Pahang (14 peratus), Perlis (12 peratus), Johor (10 peratus), Sabah (enam peratus) dan Selangor (lima peratus).

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NEGARA



Oleh SITI KAMILAH MUSTAPHA
 PENOLONG PENGARANG BERITA

Salahkah ambil booster dan sihat?

KIRA-KIRA dua bulan lalu penulis telah menerima suntikan dos penggalak (booster) Covid-19 jenis Pfizer.

Pada awalnya penulis agak ragu-ragu untuk menerimanya disebabkan dos Sinovac (dua dos awal yang diterima) akan bercampur dengan Pfizer (dos penggalak), namun pada tarikh berkenaan penulis pejam mata dan tawakal sahaja.

Alhamdulillah tiada kesan sampingan teruk, hanya sakit pada bahu beberapa hari. Tiada rasa kemaruk lapar atau mengantuk seperti dua dos sebelum ini.

Cuma kadang-kala penulis merasakan diri cepat penat atau 'pendek nafas' ketika kelim kabut dalam sesuatu perkara, tidak mahu menyalahkan dos penggalak 'husnuzon' saja mungkin itu adalah faktor usia.

Apa yang pelik, komen penulis di media sosial mengenai dos penggalak berbunyi 'saya sudah ambil booster, Alhamdulillah tiada kesan sampingan' menerima komen balas tidak puas hati netizen baru-baru ini.

Hanya 10 peratus komen yang bersependapat dengan penulis menyatakan mereka juga sihat dan tiada kesan sampingan selepas mengambil dos berkenaan.

Selebihnya netizen lain meninggalkan komen balas berbaur sinis antaranya, 'mediaaaa... memang kempen suruh ambil pun', 'Sekarang ok, tengoklah akan datang', 'mungkin tidak kena diri sendiri, mungkin kena kat keluarga' dan 'kalau ada anak kecil cuba cucuk anak pulak ya'.

Membaca komen-komen berkenaan membuatkan penulis berfikir salahkah mengambil booster Covid-19 dan sihat, netizen itu semua mahu kita masuk hospital ke lepas terima suntikan.

Mungkin cerita-cerita buruk orang selepas ambil booster mereka suka baca berbanding orang sihat dan bersyukur tiada kesan sampingan.

Menjengah di aplikasi TikTok golongan itu memang bermaharajalela, maaf cakap mereka adalah golongan antivaksin. Pelbagai video menakut-nakutkan orang berlambak di situ.

Kalaulah penulis bukan 'orang media' yang membaca data Covid-19 daripada Kementerian Kesihatan (KKM) hari-hari, tidak mustahil penulis juga akan jadi antivaksin.

Komuniti mereka sangat kuat sokong-menyokong antara satu sama lain di aplikasi berkenaan, pelbagai video termasuk daripada selebriti (bukan doktor) antivaksin turut ada.

Fakta mereka petik yang entah dari mana, kadang-kala kedengaran agak lucu dan tidak masuk akal tetapi dipercayai bulat-bulat.

Mujurlah ada beberapa petugas kesihatan mula menggunakan TikTok dengan membuat content kesedaran cara orang muda. Tidak dapat menyedarkan semua pun tidak mengapa, lima peratus pun sudah okay.

Bawa membacalah semua, bila dengar video antivaksin cuba lah semak fakta itu betul atau salah, jadi orang cerdik semak dulu baru percaya.

Jika anda baca kenyataan akhbar KKM bertarikh 1 Februari ada menyebut walaupun kes harian 5,566 tetapi 99 peratus adalah daripada kategori 1 dan 2 (gejala ringan). Selebihnya kategori 3,4 dan 5.

Macam mana kes tetap tinggi, jangan salahkan dos vaksin ya, anda sendiri beratut panjang makan cendol, pergi kenduri salam orang sana sini, oh tidak lupa pelitup muka pun letak kat dagu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Dos penggalak jenis berbeza lebih baik

Hasil keberkesanan antibodi lebih tinggi berbanding vaksin jenis yang sama

Oleh LIZA MOKHTAR

SHAH ALAM

Pemberian dos penggalak sama ada daripada jenis yang sama (homologus) atau daripada jenis yang berbeza (heterologus) amat disyorkan bagi mengembalikan perlindungan terhadap Covid-19 ke tahap optimum.

Ini kerana imuniti yang terbentuk selepas lengkap dua dos vaksin Covid-19 menurun dalam tempoh tertentu, menambahkan lagi perlunya pengambilan dos penggalak.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Sharifa Ezat Wan Puteh mengakui, dos penggalak heterologus menghasilkan keberkesanan antibodi lebih tinggi daripada vaksin jenis sama.

"Pemberian dos penggalak menggunakan vaksin jenis yang berbeza (heterologus) sudah dikaji keberkesanannya di luar ne-



DR SHARIFA

gara dan dalam kebanyakan kes kesan sampingan adalah rendah," katanya kepada *Sinar Premium*.

Untuk rekod, di Malaysia vaksin Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac diberi sebagai dos penggalak Covid-19 bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas.

Mengulas kesan sampingan yang berlaku akibat reaksi tindak balas sistem imun badan terhadap

vaksin yang diterima, Dr Sharifa menambah, ia terbahagi kepada dua iaitu kesan ringan dan serius.

Katanya, kesan sampingan ringan termasuklah demam, sakit tangan, keletihan, sedikit bengkak, cirit birit, pening, lesu, letih, pening dan sakit ke-

pala adalah paling banyak dialami di mana badan bereaksi terhadap vaksin dan ini adalah baik kerana ia menunjukkan badan menghasilkan antibodi terhadap virus.

"Kesan sampingan berat adalah seperti alergi teruk (badan membengkak, naik ruam, kesukaran bernafas, mata bengkak dan gatal, gangguan jantung, pitam, demam berpanjangan, gangguan haid (selalunya sementara sahaja dan tidak mengganggu fertiliti) serta gangguan saraf *Gullain Barre*," katanya.

Gangguan saraf *Gullain Barre* ini merupakan gangguan



saraf autoimun badan terhadap saraf menyebabkan paralisis otot, malah pernafasan dalam kes yang teruk.

Selalunya steroid diperlukan dalam rawatan dan ia bersifat sementara.

Penyakit ini boleh terjadi akibat serangan virus Covid-19 itu sendiri atau selepas vaksin.

Dr Sharifa menjelaskan, kesan sampingan teruk sebenarnya jarang berlaku dan kadar infla-

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

masi miokarditis (otot jantung) atau perikarditis (otot selaput jantung) selepas suntikan vaksin (terutama jenis mRNA) dianggap antara 1.6-3.0 di kalangan 100,000 penduduk.

"Dalam kes di mana alergi atau kesan sampingan serius berlaku maka penerima vaksin dinasihatkan mendapat rawatan di hospital.

"Ini juga sebab mengapa penerima suntikan vaksin diminta

berhatih di pusat vaksin selama 15-30 minit untuk memantau sebarang tanda atau rungutan selepas vaksin yang bersifat akut manakala kesan sampingan lewat masih boleh berlaku selalunya dalam tempoh enam minggu selepas vaksin," katanya.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Penggalak (Booster) atau lebih dikenali sebagai PICK-B bermula pada 13 Oktober 2021. Program ini dijangka melibatkan seramai 23 juta orang di Malaysia.

Lebih 12 juta populasi dewasa terima suntikan dos penggalak

KUALA LUMPUR - Sebanyak 12,022,117 individu dewasa atau 51.4 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini telah menerima suntikan dos penggalak Covid-19 setakat Selasa.

Berdasarkan data di laman web CovidNow, sejumlah 22,925,383 individu atau 97.9 peratus daripada populasi dewasa di negara ini telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 99.1 peratus atau 23,202,227 individu telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berumur antara 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,788,724 individu atau 88.6 peratus daripada kumpulan itu telah melengkapkan vaksinasi manakala 2,867,902 individu atau 91.1 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Pada Selasa, sebanyak 28,683 dos vaksin telah diberikan, melibatkan 210 dos pertama, 288 sebagai dos kedua dan 28,185 dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 63,601,771 dos. - *Bernama*

5,736 kes baharu Covid-19

SHAH ALAM - Kes harian Covid-19 negara menunjukkan sedikit peningkatan kepada 5,736 kes pada Rabu berbanding 5,566 yang direkodkan pada Selasa.

Perkara itu dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi ciapan di Twitternya pada Rabu.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak tujuh kes kematian akibat Covid-19 pada Selasa dengan satu daripadanya membabitkan kematian di luar hospital (*brought-in-dead* atau BID).

Ini menjadikan jumlah ke-

seluruhan kematian disebabkan pandemik mencecah 31,985 orang, daripada lebih 2.8 juta kes positif Covid-19 yang dikesan di negara ini.

Menurut data daripada KKM portal CovidNow, kes kematian itu direkodkan di 14 buah negeri dengan tertinggi direkodkan di Selangor dan Johor dengan dua kes.

Satu kes direkodkan di tiga negeri iaitu Pahang, Perak dan juga Terengganu.

Bagi kes BID pula, satu kes direkodkan di Terengganu dan 11 negeri iaitu Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya men-

catatkan sifar kes kematian.

Sementara itu, menerusi portal itu juga terdapat 57,152 kes aktif Covid-19 di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, 49,787 individu atau 87.1 peratus daripadanya sedang menjalani kuarantin di rumah.

Seramai 4,211 orang pula ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Sebanyak 3,041 kes dirawat di Hospital dan seramai 113 pesakit ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Kes ICU membabitkan 59 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan dan 54 yang lain tidak memerlukannya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Vaksin kanak-kanak bermula hari ini

Ikhtiar untuk memastikan golongan berkenaan selamat daripada kesan jangkitan Covid-19

KUALA LUMPUR

Pemberian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun menerusi Program Imunisasi Kanak-Kanak (PICKids) akan bermula hari ini di Lembah Klang sebagai permulaan.

Ibu bapa yang ditemui berpendapat keputusan untuk memvaksin anak-anak mereka adalah sebagai ikhtiar untuk memastikan kanak-kanak selamat daripada kesan jangkitan Covid-19 dan membantu mengekang penularan varian baharu.

Selain itu, rata-rata daripada mereka turut memuji proses pendaftaran dan tempahan janji temu vaksinasi yang amat mudah dan cepat menerusi aplikasi MySejahtera malah teruja untuk membawa anak mereka menjalani proses vaksinasi Covid-19.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?



Kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun akan menerima vaksin bermula hari ini.

Ahmad Sufian Abdul Karim, 46, berkata, beliau dan isteri mahukan anak-anak mereka diberikan vaksin Covid-19 seperti vaksin lain yang disarankan oleh pakar perubatan bagi mencegah jangkitan penyakit berjangkit.

Katanya, beliau membuat tempahan janji temu vaksinasi anak lelakinya yang berusia lima tahun sebaik sahaja menerima notifikasi vaksinasi di MySejahtera pada Selasa.

"Lepas dapat SMS (khidmat pesanan ringkas) vaksinasi anak, saya terus buat tempahan slot janji temu di MySejahtera. Proses lancar dan

mudah. Anak dapat vaksin pada Sabtu ini," katanya yang sudah lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 dan dos penggalak.

Senada dengannya, Fong Yee Zie, 38, berkata, dua anaknya masing-masing akan menerima vaksin pada Ahad ini. Beliau percaya vaksin adalah langkah terbaik untuk melindungi diri daripada jangkitan wabak itu.

Dalam pada itu, semakan di media sosial mendapati rata-rata ibu bapa yang telah menerima notifikasi vaksinasi anak mereka, berkongsi keterujaan serta tangkap layar tempahan janji temu vaksinasi, selain turut mencadangkan kerajaan meningkatkan promosi serta panduan untuk pendaftaran PICKids me-

PICKids PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KANAK-KANAK (PICKids)

SENARAI PFVKIDS YANG BOLEH DIPILIH UNTUK VAKSINASI KANAK-KANAK BAGI KAWASAN LEMBAH KLANG

BERMULA 3 FEBRUARI 2022

WORLD TRADE CENTRE (WTC), KUALA LUMPUR
AXIATA ARENA BUKIT JALIL
IDEAL CONVENTION CENTRE (IDCC), SHAH ALAM

BERMULA 5 FEBRUARI 2022

PPV OFFSITE BANGSA MEDICAL GROUP	PPV OFFSITE DA MEN MALL
PPV OFFSITE TAJAN AZHAR (BUKIT DAMANSARA)	PPV DEWAN BANGSABUAYA SITI, TAMBAH SAYA
PPV DEWAN KEMAMPAK KEMAS, KEMAS	PPV OFFSITE DEWAND SEASON HOTEL (DEWAND CLINIC)
PPV OFFSITE BANGSA MEDICAL GROUP TAJAN BUDARA	PPV OFFSITE DEWAND BUKIT KEDAH (AMOH)
PPV OFFSITE WYNDHAM HOTEL KLANG (DEWAND CLINIC)	PPV DEWAN DEWAND BUKIT AMPANG MEWAH
PPV OFFSITE KLANG PARKWAY	PPV DEWAN DEWAND BUKIT AMPANG MEWAH PUTRA PERDANA
PPV OFFSITE MUTIARA BUKIT (LINK 517)	PPV OFFSITE DEWAND BANGSABUAYA KOTA DAMANSARA (DEWAND CLINIC)
PPV OFFSITE POLITEKNIK PRIMA	PPV OFFSITE POST KLANG AMPHIBITY (WAL MEDICAL CENTRE)
PPV OFFSITE KOTA CITY TOWER 1	PPV OFFSITE ANONMALL BUKIT KUALA (KORLIN PERDANA)
PPV INTERNATIONAL YOUTH CENTER	PPV OFFSITE IMPORUS PRIMER EMBRANO CLINIC KOTA DAMANSARA 24H
PPV OFFSITE PARADISE MALL	PPV OFFSITE MINNIE E CONVENTION CENTER (WAL MEDICAL CENTRE)
PPV CENTREPOINT BANGSA UTAMA	
PPV OFFSITE BUKIT BAKAR	
PPV OFFSITE DEWAND MCKS SAGAHIA UTAMA (DEWAND CLINIC)	

Tarikh Kemulakan: 2 Februari 2022

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.

PASUKAN PETUGAS KHAS MAMBAKSI COVID-19 (CITF)

nerusi aplikasi itu.

Pengguna Twitter @farafera9 mencip, "Done (daftar vaksin kanak-kanak)...semoga dapat memberi manfaat dan ada asbab kebaikan, amin. #PICKids."

Seorang lagi pengguna Twitter @syikinyunusMD mencip, "Alhamdulillah, recieved date for my son's #PICKids. Taking this step to protect my son from #COVID, #LongCovid & MIS-C." - Bernama

517,107 kanak-kanak daftar vaksin

SHAH ALAM - Seramai 517,107 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah didaftarkan untuk Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, rekod data pada Selasa itu merupakan satu tanda permulaan yang baik ke arah memastikan seluruh masyarakat Keluarga Malaysia dilindungi daripada pandemik Covid-19.

"517,107 kanak-kanak (lima-11 tahun) di Malaysia telah didaftarkan untuk vaksin Pfizer Covid-19 oleh ibu bapa mereka.

"Permulaan yang baik dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus menyempatkan faedah mendapatkan vaksin,"



KHAIRY

katanya menerusi ciapan di Twitternya pada Rabu.

Pada 20 Januari, KKM memaklumkan akan melaksanakan pemberian vaksin Covid-19 jenis Cominaty keluaran Pfizer-BioNTech untuk kanak-kanak berumur lima

hingga 11 tahun bermula Februari.

Mengulas lanjut, beliau berharap hampir separuh kanak-kanak di Malaysia akan mendapat suntikan vaksin Covid-19 pada penghujung Februari ini.

"Jawatankuasa Bertindak Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (CITF-C) di bawah Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali akan bekerja keras bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)," katanya.

Kanak-kanak golongan berisiko tinggi, perlu suntikan vaksin

SHAH ALAM - Pemberian vaksin kepada kanak-kanak yang berumur antara lima hingga 12 tahun adalah penting memandangkan golongan tersebut juga dianggap sebagai berisiko tinggi pada ketika ini. Pakar Perubatan Keluarga, Dr Suhazeli Abdullah berkata, ini kerana terdapat pelbagai kelonggaran telah dibenarkan yang turut melibatkan golongan tersebut terdedah dengan risiko jangkitan.

"Menurut kajian dan data saintifik daripada Amerika Syarikat (AS), Singapura dan beberapa negara lain, kita dapat bahawa vaksin Covid-19 perlu diberikan kepada anak-anak. Mereka adalah golongan yang mudah untuk dijangkiti. Sama seperti golongan dewasa.

"Melihat kepada akhir-akhir ini, banyak kelonggaran yang telah diberikan seperti rentas negeri dan aktiviti besar-

besaran seperti membuat majlis. Walaupun dibuat dengan prosedur operasi standard (SOP), tetapi saya lihat benda ini telah dilonggarkan menyebabkan risiko untuk dijangkiti masih wujud.

"Sekarang kita lihat jumlah pe-

sakit harian masih lagi melebihi 4,000 kes. Ini membimbangkan. Walaupun golongan dewasa hampir mencecah 100 peratus kadar vaksinasi. Golongan berisiko seperti kanak-kanak yang tiada perlindungan ini amat diperlukan perlindungan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Agenda Awani yang bertajuk "Vaksin Kanak-Kanak: Apa Kata Doktor?" yang disiarkan pada Selasa.



DR SUHAZELI

Menurut Dr Suhazeli, pemberian vaksin kepada kanak-kanak baru dilaksanakan kerana ia bergantung kepada laporan dan juga perubahan yang berlaku dari masa ke masa.

"Kita mengikut kepada situasi keadaan semasa. Andai

kata ia memerlukan, maka di sini tugas kerajaan yang diberi amanah dan tanggungjawab untuk menjaga perkara ini secara keseluruhannya.

"Masyarakat di luar sana, yakinlah dengan apa yang dilakukan dengan kerajaan. Sebab kalau kita melihat dari sumber yang tidak sah, individu yang tidak bertanggungjawab, ia mendatangkan satu kekeliruan bagi masyarakat," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA SINAR HARIAN

Warganet 'galak' komen isu dos penggalak

APABILA Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi ciapan Twitter berkata, Malaysia kini lebih bersedia untuk menangani lonjakan kes angkara Omicron, ternyata warganet tidak boleh duduk diam.

Ketersediaan negara yang dikaitkan dengan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang berjalan lancar ketika ini mengundang pelbagai reaksi berbeza.

Khairy berkata, lebih sebulan lalu kementerianya sudah menjangkakan varian Omicron akan menjadi dominan seperti di kebanyakan negara lain, seterusnya menyebabkan lonjakan kes Covid-19. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempercepatkan program suntikan dos penggalak di negara ini.

Kenyataan itu mengundang reaksi negatif pengguna alam maya yang berpandangan dos penggalak bukan penyelesaian kepada lonjakan kes Covid-19 di Malaysia.

"Janganlah paksa, kalau jadi apa-apa kamu nak bertanggungjawab ke?" Itu antara ribuan komen di Facebook pada salah satu laporan berkaitan kenyataan Khairy.

Laman web *covid-19.moh.gov.my* dalam kemas kini terkini memaklumkan, imuniti yang terbentuk selepas lengkap vaksinasi menurun selepas tempoh tertentu. Pemberian dos penggalak amat disyorkan bagi mengembalikan perlindungan terhadap Covid-19 ke tahap optimum.

Tempoh penerimaan dos penggalak berbeza berdasarkan jenis dos primer dan ia boleh dari jenis yang sama (homologus) atau dari jenis berbeza (heterologus) mengikut jenis disyorkan Jawatankuasa Kerja Teknikal dan Pekeliling KPK Bil 1/2022.

Jika dilihat sehingga Selasa lalu, seramai 12,022,117 individu dewasa atau 51.4 peratus daripada populasi kumpulan itu sudah menerima suntikan dos penggalak. Berdasarkan data di laman web CovidNow pula, sejumlah 22,925,383 individu atau 97.9 peratus daripada populasi dewasa di negara ini sudah melengkapkan vaksinasi mereka.

Kerajaan mungkin perlu mengambil kira sedikit pandangan orang ramai memandangkan peratusan yang belum mengambil vaksin penggalak dilihat masih jauh berbeza berbanding mereka yang belum melengkapkan pengambilan vaksinasi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Suara PPP Kontrak tular di media sosial

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Walaupun tiada demonstrasi tunjuk perasaan dan mogok besar-besaran dilakukan oleh kumpulan Penolong Pegawai Perubatan (PPP) lantikan kontrak, namun, solidariti dan semangat tunjuk perasaan memperjuangkan nasib mereka hangat diperdebatkan dalam media sosial.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, siri mogok menggunakan tanda pagar #suara-pppkontrak mendapat sokongan padu bukan sahaja melibatkan warga PPP, tetapi juga melibatkan kakitangan kesihatan lain seperti pegawai perubatan yang simpati dengan nasib menimpa mereka.

Seorang pengguna Facebook bernama Mawar Berduri berkata, sekali pun tiada demonstrasi, tunjuk perasaan dan mogok terbuka dilakukan oleh PPP lantikan swasta dan Kementerian Kesihatan, namun mereka mampu melakukan melalui

hantaran status di media sosial Facebook dan Instagram.

Katanya, pihaknya berbuat demikian kerana ingin menjadi contoh buat masyarakat dan profesion lain dalam melahirkan bersolidariti kerana masih berpegang dan patuh pada SOP kerajaan Malaysia.

"Alhamdulillah, sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam kalangan PPP senior, PPK (pembantu perawat kesihatan) dan HO (pegawai perubatan) khas buat PPP kontrak lantikan kerajaan dan swasta kerana mereka tahu penat lelah bersama-sama di dalam menangani pandemik Covid-19," katanya.

Utusan Malaysia semalam melaporkan PPP juga akan mengadakan siri tunjuk perasaan bagi memperjuangkan lantikan mereka, di samping beberapa manfaat lain tidak diperolehi kerana berstatus 'kontrak'.

Mendedahkan kepada akhbar ini, salah seorang PPP kontrak yang enggan dikenali berkata, kebanyakan daripada mereka

akan menamatkan perkhidmatan kontrak semalam.

Nada sama juga disampaikan oleh seorang PPP dikenali Din Dressar apabila dia mengharapkan dan rakan sekerja lain agar dilantik ke jawatan tetap dengan sesegera mungkin.

Katanya, sebagai salah satu tulang belakang petugas kesihatan, pihaknya lebih menonjol dan ke hadapan dalam menguruskan kes berkaitan Covid-19 kerana mempunyai semangat juang yang tinggi.

"Tetapi tidak bagi kami adik PPP lantikan kontrak ini. Kami ditawarkan ke lantikan kontrak ini dan terus masuk kerja dan menghadapi suasana perang melawan Covid-19," katanya.

Menerusi data diberikan oleh sumber, sejumlah 4,300 penolong pegawai perubatan telah direkrut kerajaan sejak sistem kontrak diperkenalkan pada 2018, menyaksikan 3,400 tajaan Kementerian Kesihatan dan 900 lagi dilantik daripada kolej-kolej swasta.



Mawar Putih Berduri is with Moshe Aren and 7 others.

7 h · 🌐

